

## ORIGINAL ARTICLE

**CIRI DAN MAKSUD HIPERBOLA (JAKU KELANGKUNG) LIRIK DALAM LAGU POP IBAN****HYPERBOLE (JAKU KELANGKUNG) AND CHARACTERISTICS AND MEANINGS IN LYRIC OF IBAN POP SONGS****Isa Anak Lee\*<sup>1</sup>, Rosline Sandai <sup>2</sup>**<sup>1</sup> Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.Email: [apaimit38@yahoo.com](mailto:apaimit38@yahoo.com)<sup>2</sup> Faculty of Language and Communication, Sultan Idris Education University, Malaysia.Email: [rosline@fbk.upsi.edu.my](mailto:rosline@fbk.upsi.edu.my)

\*Corresponding author

DOI: <https://doi.org/10.33306/mjssh/106>**Abstract**

Iban pop music came into existence in the late 1950s when Radio Sarawak recorded a few tracks for public entertainment. The objectives of this research were to identify the hyperbole features and analyse the aspects which construct the meanings of hyperbole in the lyrics of the Iban pop music from 1970s to the 21<sup>st</sup> century. This research employed the qualitative method using the descriptive approach. Document analysis and checklists were the two research instruments. The findings of the research indicated that the hyperbole features in the lyrics of the songs encompass the quantity, characteristic and measurement aspects. The elements which constructed the implicit meanings in the hyperbole were nature, human, plants, animals, culture and unliving things. The quantity features of hyperbole incorporated in the Iban pop song lyrics were low in the 70s but kept increasing from the 80s to the 21<sup>st</sup> century. The quantity features were not widely used in the 21<sup>st</sup> century and measurement features in lyrical compositions were low in the 80s until the 21<sup>st</sup> century. The element of characteristic was commonly used in the 80s to the 21<sup>st</sup> century. Cultural elements were widely incorporated in lyrics composition as compared to plants. As a conclusion, the features and elements were used depends entirely on value, surrounding and living situation of the Iban community. The implication of the study can be used as guidelines for composers to improve their skills in writing Iban pop song lyrics and uplift the future of Iban music industry in general.

**Keywords:** Characteristic, meaning, hyperbole, lyric, Iban pop songs

### Abstrak

Kewujudan lagu pop Iban pada penghujung tahun 50-an di Sarawak dikaitkan dengan usaha Radio Sarawak merakamkan beberapa buah lagu Iban untuk hiburan umum. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti ciri dan maksud hiperbola (jaku kelangkung) lirik lagu pop Iban era 70-an, 80-an, 90-an dan abad ke-21. Empat puluh transkrip lirik lagu pop Iban telah dipilih mengikut popularitinya di radio dan program hiburan Iban. Kaedah kajian ialah kualitatif dengan pendekatan diskriptif. Dua instrumen kajian ialah analisis dokumen dan senarai semak. Dapatan kajian telah mengenalpasti tiga ciri iaitu ciri sifat, ukuran dan jumlah dengan enam unsur tersirat iaitu alam, haiwan, manusia, frekuensi masa, jarak dan tempuh. Maksud hiperbola lirik juga mengandungi enam unsur tersirat iaitu manusia, alam, tumbuhan, haiwan, budaya dan benda bukan hidup. Hiperbola lirik lagu pop Iban paling rendah jumlahnya dalam era 70-an tetapi semakin meningkat dalam era 80-an hingga abad ke-21. Sehubungan dengan itu, ciri sifat merupakan ciri yang paling kerap digunakan manakala ciri ukuran manakala ciri jumlah pula sebaliknya. Unsur tersirat budaya merupakan unsur tersirat maksud yang paling banyak digunakan dan unsur tersirat tumbuhan pula sebaliknya. Sebagai kesimpulan, ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban serta unsur tersiratnya digunakan secara tidak seimbang. Ia bergantung kepada nilai, keadaan semasa dan suasana sekeliling masyarakat Iban ketika lagu tersebut dicipta. Implikasi kajian ini boleh digunakan sebagai panduan oleh para komposer untuk meningkatkan kemahiran menulis lirik dan masa depan industri muzik Iban secara menyeluruh.

**Kata kunci:** Ciri, maksud, hiperbola, lirik, lagu pop Iban

This article is licensed under a Creative Commons Attribution-Non Commercial 4.0 International License



Received 17<sup>th</sup> June 2020, revised 19<sup>th</sup> July 2020, accepted 28<sup>th</sup> July 2020

### Pengenalan

Lagu ialah ragam irama nyanyian samada dengan iringan alat muzik ataupun tidak. Bahasa yang menjadi lirik lagu menjadi medium penyampaian dan ia terdiri daripada pelbagai gaya, ciri dan maksud. Menurut (Kennedy, 1996)<sup>1</sup>, lagu adalah komposisi pendek vokal dan muzik semulajadi kepada manusia. Ia dikategorikan bergantung kepada stail dan salah satu daripadanya ialah lagu pop. (Mack 1994)<sup>2</sup> mendefinisikan lagu pop sebagai semua jenis muzik yang sedang berkembang sejajar dengan perkembangan media audio-visual sejak awal abad ke-21. Selain daripada itu, lagu pop dikaitkan dengan prestasi jualan rakamannya, kedudukan atau *rating* siarannya di radio dan jumlah kutipan tiket setiap kali konsert diadakan oleh artis rakaman. Oleh kerana itu ia menjadi kegilaan ramai, sering berkumandang di radio dengan liputan meluas media cetak dan media elektronik.

Seiring dengan dominasinya di persada muzik global, lagu pop bukan sahaja mempunyai muzik yang digemari ramai tetapi liriknya yang puitis serta bergaya. (Semi, 1984)<sup>3</sup> mendefinisikan lirik sebagai puisi imaginatif pendek yang mengapresiasi emosi seseorang. Antara elemen yang menarik dalam lirik adalah ciri dan maksud. Walau bagaimanapun, untuk menghasilkan lirik yang bergaya dan puitis bukanlah kerja yang mudah. Perkataan atau gaya bahasa yang digunakan haruslah sesuai dengan tema, konsep atau latar sesebuah lagu. Jika penulis lirik tidak bijak memilih perkataan atau gaya bahasa yang tepat, lagu tersebut akan menjadi hambar, kurang menarik dan tidak berapa berkesan.

Berkaitan dengan maksud, (Mohd. Rasdi bin Saamah, 2011)<sup>4</sup> mendapati gaya bahasa berkias baik peribahasa mahupun bukan peribahasa terbina berasaskan alam dan budaya dalam ruang lingkup kehidupan dan pemikiran seharian sesebuah masyarakat. Ini beerti maksud hiperbola secara asasnya didasari oleh unsur-unsur alam dan budaya. Dalam konteks kajian ini, kenyataan tersebut membayangkan unsur alam semulajadi seperti tumbuhan, haiwan dan budaya manusia diadaptasikan dalam pembentukan maksud lirik lagu melalui gaya bahasa hiperbola. Sebenarnya penggunaan gaya bahasa hiperbola dalam lirik lagu pop Iban bermula sejak dahulu lagi. Walaupun begitu, kewujudan dan penggunaannya belum diberi perhatian dan penekanan serius kerana ia masih dianggap sama dengan gaya bahasa yang lain seperti peribahasa, perumpamaan, metafora, personifikasi, similitud dan sebagainya. Kurangnya pengetahuan tentang istimewanya gaya bahasa hiperbola mungkin menjadi sebab kurangnya kajian secara spesifik tentang lirik. Senario ini secara tidak langsung telah menyebabkan kebanyakan penulis lirik lagu pop Iban belum dapat memanfaatkan sepenuhnya gaya bahasa hiperbola dalam lirik lagu yang mereka cipta.

Memandangkan betapa pentingnya gaya bahasa hiperbola dalam lirik, maka kajian ini dijalankan untuk menganalisis ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban era 70-an hingga abad ke-21. Topik berikutnya adalah latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional dan rumusan.

## **Latar Belakang Kajian**

Lagu pop Iban mula dirakamkan oleh Radio Sarawak pada penghujung tahun 50-an. Sebahagian lagu yang dirakamkan merupakan komposisi tempatan manakala yang lainnya merupakan lagu saduran daripada lagu pop Inggeris, pop Melayu Malaysia-Indonesia dan Hindustan. Tujuan hakiki rakaman tersebut adalah untuk hiburan umum khasnya masyarakat Iban yang kebanyakannya tinggal di kawasan pedalaman Sarawak. Lazimnya, mereka yang dipilih untuk merakamkan lagu tersebut adalah mereka yang pernah memenangi pertandingan nyanyian atau yang aktif bermain muzik seperti dalam kumpulan kugiran.

Dalam era 60-an dan 70-an, radio memainkan peranan yang amat penting kepada masyarakat Iban di Sarawak. Ia menjadi sumber utama berita dari dalam mahupun luar negeri. Di

situlah mereka mendapat info hiburan dan berpeluang mendengar lagu dan muzik terkini. Ini menambahkan lagi pengetahuan mereka tentang perkembangan dunia luar khususnya tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan hiburan. Keadaan ini banyak membuka mata dan merangsang minda serta meningkatkan minat mereka terhadap muzik dan lagu.

Perkembangan lagu pop Iban pada awal tahun 70-an telah menarik minat beberapa buah syarikat rakaman tempatan seperti Nanyang Company dan South East Asia Radio & Records untuk merakamkan lagu Iban ke dalam piring hitam dan kemudiannya kaset. Pada peringkat ini, semua lagu yang dirakamkan adalah untuk tujuan komersial. Perkembangan lagu pop Iban semakin pesat apabila melangkah ke era 90-an dengan kehadiran beberapa genre muzik baru. Ia secara tidak langsung telah menambahkan lagi aliran muzik perdana Iban (Iban main-stream music) yang sedia ada seperti *twist*, *beguine*, *ago go*, *rock and roll* dan *country*. Bermula dari tahun 90-an lagu pop Iban bukan sahaja boleh didengar di negara ini malah di seluruh dunia melalui internet, youtube serta saluran-saluran yang lain.

Sebagai tanda kemuncak kepada kepesatan perkembangan lagu pop Iban, Persatuan Artis Dan Pemuzik Dayak (DAMA) telah menganjurkan Anugerah Muzik Dayak (AMD) yang pertama pada tahun 2010. Konsep anugerah tersebut adalah sama seperti Anugerah Juara Lagu (AJL) yang pernah dianjurkan oleh TV3. Pelbagai kategori turut dipertandingkan dan salah satu daripadanya ialah Kategori Lirik Terbaik. Dalam kategori ini, kriteria yang diberi fokus adalah penggunaan gaya bahasa yang puitis termasuk hiperbola lirik.

Dalam satu pernyataan tentang gaya bahasa berkias, (Asmah Hj. Omar, (1981)<sup>5</sup> mendapati bahasa bergaya seperti hiperbola lahir dari hubungan dan keakraban manusia dengan alam sekeliling; bukan sahaja melalui ruang yang luas tetapi juga merentasi zaman. (Rosta, Mohd, Azizi & Wan (2002)<sup>6</sup> juga mendapati hampir keseluruhan peradaban tradisional mempunyai ajaran yang menghormati alam serta menanam rasa takut kepada unsur-unsur ghaib yang berada di sebalik penjelmaan zahir benda-benda yang bernyawa dan tidak bernyawa di alam ini.

Mohd Khairi bin (Ariffin, 2010)<sup>7</sup> mendapati sifat kesopanan dan menghormati suatu yang terbit daripada rasa malu dan segan dalam diri manusia telah menimbulkan satu cara hidup yang tidak suka terlalu berterus terang. Berdasarkan sifat tersebut, mereka mengaitkan unsur alam dan budaya sebagai elemen untuk mendidik dan mendisiplinkan anak-anak. Hiperbola adakalanya sangat sesuai dalam tujuan tersebut kerana ia mempunyai sifat yang lembut dan tidak terlalu berterus terang. Ini adalah kerana sesuatu ujaran yang terlalu berterus terang adakalanya tidak sesuai dalam usaha menasihati.

Vokal, muzik dan lirik merupakan tiga komponen yang saling melengkapi sebagai elemen penuh kepada sebuah lagu. Selain daripada vokal dan muzik, lirik juga tidak kurang pentingnya. (Tri, 2007)<sup>8</sup> menyatakan lirik bergaya boleh menjadikan sesebuah lagu lebih menarik dan berkesan. (Deny, 2012)<sup>9</sup> pula mengungkapkan lirik sebagai suatu gagasan dan perasaan dengan

bahasa khas yang sesuai dengan kreativiti dan karektor penulis lirik. Teknik pengungkapan tersebut katanya boleh menimbulkan efek estetika, efek keputisan dan efek penciptaan makna.

Dalam satu kajian tentang kepentingan gaya bahasa dalam lirik lagu, (Walsh, 1909)<sup>10</sup> mendapati hiperbola mempunyai sifat yang berlebih-lebihan dan banyak unsur tokoh tambah. Sifat ekstravaganzanya bukan sahaja menjadikan sesebuah lagu lebih unik tetapi memberi kesan yang hebat dan indah. Lagu pop Iban sekarang ini banyak menggunakan unsur tokoh tambah khususnya dalam lagu yang bertemakan cinta, patriotisme atau semangat juang.

Berdasarkan senario di atas, satu analisis tentang ciri, maksud dan perbezaan antara ciri dan maksud hiperbola lirik dalam lagu pop Iban harus dilakukan. Ia dapat menjadikan hiperbola sebagai elemen yang harus ada dalam lirik. Selain daripada itu, orang ramai juga berpeluang untuk menambahkan pengetahuan tentang hiperbola yang boleh digunakan dalam kehidupan seharian mereka. Pendek kata, hiperbola digunakan untuk mengekspresikan diri dengan tujuan untuk menguatkan lagi darjat sesuatu percakapan.

### **Pernyataan Masalah**

Perkembangan lirik lagu pop Iban seiring dengan penciptaan lagu dan penerbitan album. Semakin ramai penulis lirik berbakat baru cuba untuk menghasilkan lirik kreatif dan bermutu tinggi. Selain mempamerkan kelainan dengan tema dan genre yang pelbagai, lirik lagu pop Iban terus berkembang dengan penggunaan gaya bahasa hiperbola. Berkaitan dengan gaya bahasa hiperbola, (Reny & Monica 2011)<sup>11</sup> mendapati penggunaan hiperbola dalam lirik lagu merupakan cara yang paling baik untuk mengutarakan pemikiran secara pasti dan tepat. Dari segi kesan dan impak, hiperbola didapati mampu meningkatkan keputisan dan daya tarikan lirik sesebuah lagu.

Keputisan lirik dapat menjadikan sesebuah lagu lebih bermutu, komersial dan dihargai. Contoh terbaik adalah apabila Persatuan Artis Dan Pemuzik Dayak (DAMA) mengadakan satu kategori khas iaitu Kategori Lirik Terbaik dalam Anugerah Muzik Dayak (AMD) yang pernah diadakan. Kategori tersebut adalah bagi memberi perangsang kepada penulis lirik baru dan lama agar mereka dapat menghasilkan lirik yang berkualiti tinggi dan penuh makna. Anugerah ini secara tidak langsung telah mengangkat martabat dan mutu lagu pop Iban.

Memang tidak dinafikan lirik lagu pop Iban berkembang pesat sejak tahun 90-an. Namun begitu, masih terdapat ruang atau kelompangan yang perlu diberi perhatian dan fokus. Ruang dan kelompangan yang dimaksudkan adalah keputisan lirik. Puitis mempunyai pelbagai erti atau definisi. Dalam konteks kajian ini puitis bermaksud sesuatu hal yang indah dan suatu sifat yang melekat pada karya puisi. Ia adalah bentuk bahasa yang dapat menimbulkan sesuatu yang estetik kerana ia dipilih dan disusun dengan cermat, memiliki irama, matra (struktur rentak) dan rimanya terdengar dengan indah. Bila diucapkan ia memerlukan teknik tekanan suara tertentu sehingga menimbulkan emosi yang mengasyikkan.

Isu ini dikaitkan dengan tahap pengetahuan penulis lirik, kajian ilmiah yang sedia ada dan campur aduk bahasa asing. Kelompangan tersebut juga ada hubungannya dengan kurangnya maklumat atau rujukan yang berkaitan dengan ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban. Permasalahan kedua ialah kesukaran untuk mendapatkan bahan kajian ilmiah yang tepat dan situasi tersebut menimbulkan kesukaran kepada sebarang usaha untuk meningkatkan taraf dan kualiti lirik lagu pop Iban. Jika masalah tersebut tidak diberi perhatian, ia akan memberi kesan dan impak kurang elok kepada perkembangan lagu pop Iban secara menyeluruh.

### **Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah:-

- i) Mengenalpasti ciri hiperbola lirik lagu pop Iban.
- ii) Menganalisis unsur yang membentuk maksud hiperbola lirik lagu pop Iban.

### **Kaedah Kajian**

Data kajian ini diperolehi menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan deskriptif. Kaedah kualitatif deskriptif menurut (Agusta, 2003)<sup>12</sup> merupakan kata-kata lisan atau tulisan tentang perkara yang diamati atau dikaji. (Goethals, Sorenson & MacGregor (2002)<sup>13</sup> pula menyatakan kaedah kualitatif sebagai bentuk sistem kajian empirikal ke atas pemahaman makna atau maksud di sebalik kualitatif data yang dianalisa.

Pendekatan deskriptif menerang dan menghuraikan ciri hiperbola lirik, menganalisis unsur yang membentuk maksud dan menyatakan perbezaan antara ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban era 70-an hingga abad ke-21. Rasionalnya menggunakan reka bentuk kajian tersebut ialah kerana ia bersifat huraian, pendapat dan penerangan secara naratif tentang fenomena data yang terkumpul di sepanjang kajian. Rasional yang kedua ialah kerana reka bentuk kajian ini pernah digunakan oleh pengkaji lain dalam topik yang hampir sama iaitu penganalisan lirik lagu.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian adalah apa-apa alat atau cara atau apa-apa kaedah untuk memperolehi dan mengumpul data kajian. Ia terbina dengan tiga cara iaitu mereka-cipta sendiri, mengubahsuai daripada instrumen kajian pengkaji terdahulu dan menggunakan instrumen standard yang ada. Pengkaji biasanya akan memilih daripada tiga cara yang tersebut di atas. Kajian ini menggunakan dua jenis kajian iaitu analisis dokumen dan senarai semak. Analisis dokumen adalah dokumen-dokumen di mana lirik dianalisis sebelum ditranskripkan serta dikumpulkan mengikut kumpulan era. Dokumen-dokumen tersebut termasuklah buku lagu, CD, VCD dan youtube. Daripada dokumen-dokumen tersebutlah semua empat puluh transkrip lirik lagu pop Iban diperolehi.

Terdapat dua jenis instrumen dalam kajian ini iaitu analisis dokumen dan senarai semak. Analisis dokumen ialah analisis lirik lagu yang dimasukkan ke dalam senarai semak. Tiga perkara utama yang dianalisis adalah ciri hiperbola lirik dan unsur membentuk maksud hiperbola lirik lagu pop Iban. Kedua-dua set senarai semak digunakan untuk merekodkan hasil analisis data objektif kajian yang pertama dan objektif kajian yang kedua. Setiap dapatan analisis akan diberi label penomboran untuk dikategorikan mengikut perincian seperti pada objektif kajian.

Data analisis transkrip lirik akan dimasukkan ke dalam senarai semak mengikut ruangan unit yang telah ditetapkan. Terdapat dua set senarai semak iaitu senarai semak yang pertama digunakan untuk merekodkan analisis data bagi menjawab soalan kajian yang pertama. Terdapat tiga ciri utama dalam senarai semak yang pertama ini iaitu jumlah, sifat dan ukuran. Dalam tiga ciri tersebut pula terdapat enam unsur tersirat iaitu alam, haiwan, manusia, frekuensi masa, jarak dan tempuh.

Set senarai semak yang kedua juga untuk merekodkan analisis data bagi menjawab soalan kajian yang kedua. Enam unsur tersirat dalam set senarai semak yang kedua ini adalah alam, manusia, tumbuhan, haiwan, unsur budaya dan benda bukan hidup. Unsur-unsur tersebut menjadi dasar kepada pembentukan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban.

Instrumen analisis dokumen dan senarai semak yang digunakan dalam kajian ini telah diadaptasikan daripada kajian (Mohd & Shatira, 2012)<sup>14</sup> yang bertajuk *Amalan Penggunaan Bahasa Melayu untuk Laporan Syarikat di Malaysia*. Dalam *Satu Analisis Tentang Penggunaan Kemahiran Penyoalan Guru* pula, Zamri & Nor, 2007)<sup>15</sup> juga pernah menggunakan jadual senarai semak yang serupa untuk analisis tentang taburan frekuensi dan prestasi penggunaan gaya bahasa dalam lirik lagu kumpulan D'Masive dari Indonesia.

## **Kesimpulan Dapatan Kajian**

Analisis objektif pertama kajian ini mengenalpasti enam unsur tersirat ciri iaitu manusia, haiwan, tumbuhan, frekuensi selalu, jarak dan tempuh masa. Kenam-enam unsur tersebut menjadi subjek utama kepada penghasilan hiperbola lirik lagu pop Iban. Ini beerti lirik lagu pop Iban didasari oleh ciri dan unsur yang sama. Walaupun begitu, kekerapan penggunaan ciri dan unsur tersirat adalah berbeza di mana ciri sifat merupakan ciri yang paling kerap digunakan manakala ciri jumlah pula yang paling minima. Perbezaan ini wujud kerana berlakunya perbezaan nilai dan keadaan semasa kehidupan masyarakat Iban dalam tempuh masa empat puluh tahun (era 70-an hingga abad ke-21).

Bagi objektif kajian yang kedua, analisis menemui enam unsur tersirat maksud iaitu alam, manusia, tumbuhan, haiwan, budaya dan benda bukan hidup. Enam unsur tersebut mempunyai peranan dan fungsi yang sama dengan unsur tersirat ciri di mana ia juga menjadi asas dan subjek utama kepada penghasilan hiperbola lirik lagu pop Iban. Walaupun begitu, kekerapan penggunaan setiap unsur juga tidak seimbang di mana unsur tersirat manusia merupakan unsur yang paling

banyak digunakan dan unsur tersirat tumbuhan pula sebaliknya. Wujudnya ketidakseimbangan tersebut juga kerana perbezaan nilai dan keadaan semasa kehidupan masyarakat Iban ketika itu. Keadaan dan situasi sekeliling sentiasa memberi pengaruh kepada minda, ilham dan inspirasi penulis lirik lagu pop Iban.

Penggunaan unsur tersirat ciri dan unsur tersirat maksud menunjukkan kekerapan penggunaan yang tidak seimbang. Ciri sifat merupakan ciri yang paling banyak digunakan di sepanjang empat era manakala ciri jumlah pula yang paling minima. Bagi unsur tersirat maksud, didapati unsur tersirat manusia merupakan unsur yang paling kerap digunakan manakala unsur tersirat tumbuhan pula sebaliknya.

Dalam objektif kajian yang pertama dan kedua, persoalan utama yang menjadi fokus adalah unsur tersirat dan penggunaannya dalam hiperbola lirik lagu pop Iban. Kecenderungan penggunaan unsur tersebut mempengaruhi penghasilan lirik lagu pop Iban secara am dan hiperbola lirik khususnya. Dari atas semua, hiperbola lirik lagu pop Iban ditentukan oleh nilai, keadaan semasa dan suasana sekeliling kehidupan masyarakat Iban pada satu-satu fasa masa tertentu. Semua faktor dan senario tersebut telah menentukan persoalan dan konsep sebenar lagu pop Iban hingga ke hari ini.

### **Sumbangan Kajian**

Analisis ciri dan maksud hiperbola lirik dalam lagu pop Iban ini merupakan satu kajian baru dalam bidang pendidikan di negara ini. Ia dianggap unik kerana ia julung kali dilaksanakan secara spesifik. Keunikan tersebut menjadikan kajian ini semakin penting dengan nilainya yang tersendiri khasnya kepada masyarakat Iban di Sarawak. Selain menambahkan lagi koleksi kajian yang sedia ada, kajian ini juga dapat memartabatkan Bahasa Iban ke satu tahap baru sebagai bahasa ilmu sebaris dengan bahasa-bahasa lain yang sedia ada di rantau ini.

Walaupun kajian ini mengkaji lirik lagu pop Iban, tidak bermakna penggunaannya terhadap masyarakat Iban ataupun warganegara Malaysia sahaja. Ia boleh dimanfaatkan oleh sesiapa sahaja dari dalam mahupun luar negeri khasnya bagi mereka yang memahami Bahasa Malaysia. Antara golongan yang mendapat faedah daripada kajian ini adalah golongan pembaca, pengamal dan penyelidik.

Untuk golongan penyelidik, mereka boleh menggunakan kajian ini sebagai bahan rujukan utama khasnya bagi kajian yang ada kaitan dengan lirik lagu pop Iban. Mereka bukan sahaja dapat tahu tentang ciri, maksud atau perbezaan antara ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban, malah mereka juga dapat mengetahui perkembangan tentang lagu, muzik, bahasa dan budaya masyarakat Iban secara menyeluruh.



## **Implikasi Kajian**

Analisis soalan kajian yang pertama mengenalpasti tiga ciri hiperbola lirik lagu pop Iban iaitu jumlah, sifat dan ukuran. Dapatan analisis menunjukkan penggunaan enam unsur tersirat ciri adalah tidak seimbang. Ketidakseimbangan ini mewujudkan implikasi pertama iaitu pemberatan atau kadar penggunaan setiap unsur tersirat berbeza bagi setiap era kerana ia bergantung kepada nilai, keadaan semasa dan suasana sekeliling kehidupan masyarakat Iba pada waktu berkenaan. Selain daripada itu ia juga bergantung kepada latar, tema, konsep dan persoalan dalam sesebuah lagu.

Bagi analisis maksud hiperbola lirik lagu pop Iban pula, kajian ini menggunakan Teori Stilistik dan Teori Relevan. Teori Stilistik mengkaji dan merungkai dari sudut stail bahasa termasuklah gaya, kata khas dan kata kiasan dalam hiperbola. Teori Relevan pula mengkaji unsur yang dikaitkan dengan pembentukan maksud hiperbola lirik seperti alam, manusia, tumbuhan, haiwan, budaya dan benda bukan hidup. Dapatan menunjukkan penggunaan keenam-enam unsur tersirat tersebut juga tidak seimbang. Unsur tersirat manusia menunjukkan penggunaan yang paling banyak manakala unsur tersirat haiwan dan tumbuhan adalah yang paling kurang digunakan. Keputusan ini menunjukkan wujudnya implikasi yang kedua iaitu tidak semua unsur digunakan secara sekata dalam hiperbola (jaku kelangkung) lirik lagu pop Iban kerana ia bergantung kepada nilai, keadaan semasa dan suasana sekeliling kehidupan masyarakat Iban.

Sebenarnya kedua-dua kajian tersebut tidak menemui sebarang fakta, unsur, elemen atau item baru. Walaupun begitu, kadar penggunaan unsur tersirat adalah berbeza atau tidak seimbang dalam era yang berbeza. Justeru, keputusan kajian ini boleh dijadikan sebagai panduan kepada penggiat seni untuk meningkatkan lagi kemahiran menulis lirik dan seterusnya memajukan industri muzik Iban pada masa yang akan datang.

## **Kesimpulan**

Antara topik yang telah dibincangkan dalam kajian ini adalah pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, reka bentuk kajian, instrumen kajian, kesimpulan dapatan kajian, sumbangan kajian dan implikasi kajian.

Kajian mendapati ciri dan maksud hiperbola lirik lagu pop Iban digunakan secara tidak seimbang dalam era 70-an hingga abad ke-21. Ia melibatkan unsur-unsur tersirat yang terdapat di dalamnya. Ketidakseimbangan tersebut berlaku akibat perbezaan nilai, keadaan semasa dan suasana sekeliling kehidupan masyarakat Iban. Sebagai kata penutup, kajian ini sekadar kajian awal tentang analisis ciri dan maksud hiperbola (jaku kelangkung) lirik dalam lagu pop Iban. Kajian yang lebih terperinci dan spesifik perlu dilaksanakan untuk memantapkan lagi dapatan dan hasil kajian tentang lagu pop Iban secara menyeluruh.

**Rujukan:**

1. Kennedy. (1996). *The concise Oxford dictionary of music*: Oxford University Press.
2. Mack. (1994). *Apresiasi musik populer*: Yayasan Pustaka Nusantara. Jakarta.
3. Semi.(1984). *Anatomi sastra*. Jakarta: Erlangga.
4. Mohd. Rasdi Bin Saamah. (2011). *Metrologi dalam peribahasa suku kaum Semai* : Satu kajian semantik. Fakulti Bahasa Dan Komunikasi: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
5. Asmah Haji Omar. (1981). *The Iban language of Sarawak : A grammatical description*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
6. Rosta Harun, Mohd Kamil Yusoff, Azizi Muda, Wan Hilmizi Wan Aziz. (2002). *Masyarakat melayu dan etika alam sekitar.Prosiding Simposium Melayu Malaysia*. Persatuan Kakitangan Akademik: Universiti Kebangsaan Malaysia.
7. Mohd Khairi Ariffin. (2010). *Fungsi pantun dalam masyarakat Melayu tradisional*. Institut Pendidikan Guru, Kampus Kota Bahru.
8. Tri Sulasi. (2007). *Penggunaan gaya bahasa dalam lirik lagu Padi*: University Of Muhammadiyah Malang.
9. Deny Pranata. (2012). *Analisis gaya bahasa pada lirik lagu Ari Lasso*: Universitas Muhammadiyah. Surakarta.
10. William S. Walsh. (1909). *Handy-book of literary curiosities*. University of Mechigan: J.B. Lippincott Co.
11. Reny Afriani, Monica Maria. (2011). *Analisis teknik retorika puisi karya Li Bai dalam buku kumpulan 300 puisi Dinasti Tang*.Binus University Repository.
12. Agusta.(2003). *Teknik pengumpulan dan analisis data kualitatif*. Makalah Litbang Pertanian: Bogor.
13. Goethals G, Sorenson G, MacGregor J. (2002). *Qualitative research*. Thousand Oaks: Sage Publication London.
14. Mohd Noor Azli Ali Khan dan Shatira Mohd Zaini. (2012). *Amalan penggunaan Bahasa Melayudalam laporan tahunan syarikat di Malaysia*: Universiti Teknologi Malaysia.
15. Zamri Mahamod dan Nor Azah. (2007). *Satu analisis tentang penggunaan kemahiran penyoalan guru* : Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu. Fakulti Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia